

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 OGOS 2021
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4

Pengesahan identiti secara elektronik melalui pengecaman wajah, iris, suara dan DNA

Identiti Digital Nasional diperkenal

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahsh@mediamalaysia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan memperkenalkan satu lagi pengesahan identiti rakyat Malaysia dikenali Identiti Digital Nasional (NDID) yang dilaksanakan secara berperingkat sebelum 2023.

NDID adalah proses pengesahan identiti seseorang secara elektronik berdasarkan ciri-ciri biometrik seperti 10 cap jari, pengecaman wajah, iris, suara, DNA dan pelbagai lagi ciri pengesahan lain melalui penggunaan pelbagai medium.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pengesahan berkenaan boleh digunakan melalui medium seperti telefon pintar, peranti elektronik, kad pintar, teknologi awan (cloud technology) dan lain-lain teknologi di masa hadapan.

Jelas beliau, NDID bakal digunakan orang awam, kerajaan dan syarikat perniagaan untuk mengesahkan identiti mereka ketika mendapatkan perkhidmatan melalui imbasan biometrik sekali gus membolehkan maklumat tersimpan dikeluarkan dengan pantas untuk sesuatu urusan tanpa perlu menunjukkan



MUSTAPA MOHAMED

bukti pengenalan diri atau membawa fail dokumen peribadi.

“Strategi pelaksanaan sedang diperhalusi dan akan dimaklumkan pada masa sesuai. Perlu juga ditekankan bahawa penggunaan NDID tidak akan menghapuskan penggunaan MyKad sebagai dokumen pengenalan diri,” katanya di sini semalam.

Menurut Mustapa, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) diberi tanggungjawab sejak November 2019 untuk menjalankan kajian dan menyediakan satu pelan tindakan bagi pelaksanaan NDID.

Dalam pada itu beliau berkata, kerajaan juga bakal memperluaskan tandatangan digital iaitu tandatangan elektronik yang digunakan untuk mengesahkan



SETIAP orang tetap perlu memiliki MyKad sebagai bukti kewarganegaraan yang sah dan rasmi walaupun Identiti Digital Nasional berdasarkan ciri-ciri biometrik diperkenalkan bermula 2023.

identiti penghantar atau penandatanganan sesuatu mesej bagi memastikan sesuatu maklumat adalah betul dan sah di dalam transaksi elektronik.

Katanya, Akta Tandatangan Digital 1997 (ATD 1997) mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 1998 menjamin keselamatan mengenai isu undang-undang berkaitan transaksi elektronik, dan mengesahkan penggunaan tandatangan digital melalui si-

sil perakuan yang dikeluarkan Pihak Berkuasa Pemerakuan (PBP) berlesen.

Katanya, SKMM juga adalah pihak bertanggungjawab dalam mentadbir, menguat kuasa dan melaksanakan peruntukan di bawah ATD 1997.

“Kedua-dua inisiatif ini penting untuk mengupayakan pelbagai transaksi rasmi dan komersial secara dalam talian agar menjadi lebih selamat, cepat

dan tepat selain dapat mempermudah urusan dalam perniagaan dan kerajaan termasuk mengurangkan kerenah dan kos.

Mustapa berkata, antara bidang utama yang bakal mendapat manfaat besar daripada pelaksanaan NDID ialah penyimpanan rekod kesihatan dan perkhidmatan kesihatan, sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, keselamatan awam, aktiviti perbankan.